

02 JUN 2000

Focus-Agriculture

MAHA 2000: AN EXPO TO SPOTLIGHT NATURE'S BOUNTY

By: Rosliwaty Ramly

KUALA LUMPUR: Various efforts have been made by the government to develop and expand the agriculture industry in the country in line with the New Agriculture Policy to make Malaysia the centre of excellence in that field.

The latest is a special agriculture exhibition to display the country's varied bountiful harvest as well as the latest sophisticated technology and innovations at Stadium Putra Bukit Jalil here, from July 22 to 30.

Jointly organised with a private company, Syarikat Happening Events Sdn Bhd, the expo is billed as the "Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show" or "MAHA 2000".

Apart from the technology, goods and produce from throughout the country, the exhibition is incorporating a huge tourism promotion, specifically, agro-tourism.

Head of the Public Relations Unit of the Agriculture Ministry, Nur Ashikin Othman said MAHA is hoped to be the starting point for efforts to strengthen and enhance the agriculture sector to face the stiff competition posed by globalisation.

It is also meant to be a guide to the efforts to overcome the issue of food security and improve agricultural output in order to export, and hence trim the hefty food import bills.

She said MAHA 2000 can also be a channel for the decision andaaaaaab bah mes bns dhc

Fokus: Pertanian (EMBARGO: Jumaat/2Jun)

MAHA 2000 JADIKAN MALAYSIA PUSAT KECEMERLANGAN PERTANIAN

Oleh Rosliwaty Ramly

KUALA LUMPUR: Pelbagai usaha sedang dijalankan oleh kerajaan bagi mengembang dan memajukan lagi industri pertanian negara, sejajar dengan Dasar Baru Pertanian yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebuah pusat kecermerlangan dalam bidang itu.

Usaha terbaru ialah menganjurkan satu pertunjukan pertanian yang mempamerkan teknologi canggih dan inovasi terkini di Stadium Putra Bukit Jalil, di sini pada 22 hingga 30 Julai ini.

Pertunjukan yang diadakan dengan kerjasama Syarikat Happening Events Sdn Bhd itu dikenali sebagai Malaysian Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show atau MAHA 2000.

Selain mempamerkan pelbagai teknologi, barangan serta hasil pertanian dari seluruh negara, pertunjukan itu juga merangkumi satu acara khas pelancongan secara besar-besaran.

Ketua Unit Perhubungan Awam Kementerian Pertanian, Nur Ashikin Othman berkata, MAHA diharap dapat menjadi titik mula kepada usaha mengukuh dan memantapkan lagi sektor pertanian sebagai langkah menghadapi persaingan sengit globalisasi perdagangan dunia.

Ia juga diharap menjadi panduan kepada usaha meningkatkan pengeluaran pertanian bagi mengurangkan import serta meningkatkan eksport.

Menurutnya, MAHA 2000 mampu dijadikan saluran untuk penggiat dan pembuat dasar sektor itu bertukar pandangan dan pengalaman di samping memberi pendedahan serta peluang perniagaan supaya keluaran pertanian dan produk berasaskannya akan lebih terkenal dan mampu menembusi pasaran dunia.

Nur Ashikin berharap menerusi pameran itu hubungan dan sinergi kepada sektor pertanian negara dapat dibentuk bagi memberi manfaat kepada bidang pertanian dan pelancongan dalam usaha meniup semangat dan imej baru kepada

sektor itu.

Pelbagai maklumat yang komprehensif berkaitan potensi dan peluang pelaburan dalam sektor pertanian serta yang berasaskannya akan dapat ditimba menerusi pameran itu.

Menurut beliau di antara mereka yang mengambil bahagian pada pameran itu ialah para cendekiawan, penyelidik dan saintis serta wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan dan antarabangsa.

Turut mengambil bahagian secara aktif pada pameran itu ialah persatuan-persatuan hortikultur, florikultur, herba, pengusaha ikan hiasan dan dewan-dewan perniagaan.

Kehadiran pertunjukan dan jualan lelong ternakan hidup akan memeriahkan lagi pameran itu, katanya.

Beliau berharap MAHA 2000 juga akan memberi peluang kepada kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan, para usahawan dan golongan sasar mempamerkan aktiviti-aktiviti serta hasil pertanian dan produk berasaskan pertanian yang mereka usahakan.

Sesetengah daripada peserta itu juga akan mempamerkan pelbagai penemuan daripada penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang mereka jalankan serta inovasi masing-masing.

Menurutnya, penemuan produk terkini seperti herba dan industri baru yang berpotensi misalnya di bidang bioteknologi turut dipamerkan untuk menarik lebih banyak penyertaan dari pihak swasta dalam subsektor berkenaan.

Nur Ashikin percaya kehadiran pelbagai pihak itu akan menjadikan MAHA 2000 begitu penting kerana ia dapat dijadikan medan pertemuan antara para pelabur dengan rakan kongsi, pembekal serta pengedar produk dan teknologi berkaitan selain dapat membentuk rangkaian perniagaan yang diperlukan.

Pameran MAHA 2000 akan berasaskan kepada tiga segmen utama iaitu pameran-pameran komoditi dan perkembangan industri, hasil penyelidikan dan produk industri baru.

Pameran komoditi dan perkembangan industri memberi tumpuan kepada beberapa sektor utama seperti tanaman, perikanan dan ternakan dan agropelancongan.

Pameran hasil penyelidikan pula bertujuan memperkenalkan hasil penyelidikan saintis dan penyelidikan tempatan dalam bidang pertanian.

Beliau berkata, di samping memaparkan aspek-aspek pertanian, MAHA 2000 juga akan menonjolkan aspek-aspek pelancongan seperti keindahan Malaysia, destinasi agropelancongan, kebudayaan dan adat resam pelbagai bangsa.

Namun, antara acara kemuncak MAHA 2000 ialah sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Kebangsaan (HPPNK) yang ke 25 dan Fiesta Buah-buahan serta pameran haiwan yang akan diadakan pada waktu dan tempat yang sama.

HPPNK disambut sebagai menghargai dan mengiktiraf sumbangan masyarakat peladang, penternak dan nelayan terhadap pengeluaran makanan negara.

Sambutan MAHA 2000 dan HPPNK dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 22 Julai.

Beliau berharap kedua-dua acara itu akan dijadikan satu landasan oleh semua pihak, khususnya jabatan atau agensi kerajaan untuk menilai prestasi terkini peladang, penternak dan nelayan bagi membolehkan semua pihak terlibat berusaha dengan lebih proaktif dan efektif dalam usaha meningkatkan sektor pertanian negara. -- Bernama

RR AM